

**Kuala Lumpur:** Think City, organisasi berimpak tinggi untuk membentuk bandar lebih mesra rakyat, berdaya tahan, berdaya huni, bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan Program Geran KL Kreatif dan Cabaran Urban KL Kreatif.

Program itu sebahagian aktiviti dalam Memorandum Persefahaman (MoU) antara Think City dan DBKL yang berfokuskan kepada usaha peremajaan Pusat

## ***Think City, DBKL fokus usaha peremajaan KL***

Bandar Kuala Lumpur (KL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh berkata, inisiatif terbabit dapat membuka peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam memainkan peranan penting untuk 'meremajakan' Pusat Bandar KL sebagai daerah kreatif dan kebudayaan.

"Usaha ini sebahagian daripada MoU ketiga ditan-

datangani, baru-baru ini, oleh DBKL dan Think City bagi mengukuhkan kerjasama dalam usaha transformasi Pusat Bandar KL sebagai destinasi kreatif, meningkatkan daya huni, menambah baik persekitaran awam, meningkatkan aktiviti di ruang berkenaan dan banyak lagi," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pengarah

Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed berkata, Think City menyedari akan potensi ekonomi kreatif dalam membentuk bandar yang dinamik dengan memanfaatkan kekayaan aset budaya dan warisan Pusat Bandar KL.

"Peruntukan sejumlah RM15 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2023 akan terus memangkinkan

usaha pemulihan dan peremajaan Pusat Bandar KL serta kawasan penting berhampirannya, selain membantu menangani beberapa isu berkaitan untuk menjadikan pusat bandar lebih lestari dan berdaya huni.

"Dianggarkan bahawa inisiatif di bawah peruntukan Belanjawan 2023 ini mampu mewujudkan lebih 1,300 peluang pekerjaan dan

menjana 200 aktiviti yang akan memeriahkan lagi pusat bandar," katanya.

Skim KL Kreatif turut menawarkan sokongan kewangan, sumber dan peluang kepada individu dan organisasi yang terbabit dalam sektor kreatif dan budaya, serta industri lain yang akan menyumbang kepada pertumbuhan Pusat Bandar KL sebagai destinasi dinamik yang meraikan seni, reka bentuk, muzik serta ekspresi kreatif lain.

6/6/2023 HM m/s 27